



IDEA UKM • IDEA UKM

Rujukan : UKM.IDE.100-1/3/1
Tarikh : 1 September 2022

PEKELILING PUSAT IDEA BIL. 1/2022

**DEKAN/PENGARAH
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan,

GARIS PANDUAN KUMPULAN PENYELIDIKAN UNIVERSITI

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Pusat IDEA (IDEA-UKM) telah menyediakan Garis Panduan Kumpulan Penyelidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (KPU) untuk memastikan pelaksanaan KPU penyelidik UKM dapat diuruskan dengan lebih baik dan berkualiti. Garis panduan ini telah diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Penyelidikan dan Inovasi Bil.3/2022 pada 18 Ogos 2022.

3. Sehubungan dengan itu, sukacita bersama-sama ini disampaikan Garis Panduan berkenaan untuk makluman dan kegunaan/rujukan pihak PTj. Dokumen garis panduan ini boleh dimuat turun melalui laman sesawang IDEA-UKM, <http://www.ukm.my/ideaukm/muat-turun/>. Garis Panduan ini menerangkan mengenai perancangan dan strategi untuk memperkasakan KPU selaras dengan agenda penyelidikan dan naratif baharu UKM yang menyumbang kepada penarafan MyRA[®] dan penarafan di peringkat antarabangsa.

4. Kerjasama YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan adalah dipohon agar dapat memaklumkan perkara ini kepada Sekretariat Penyelidikan di bawah pengawasan dan penyeliaan YBhg. Prof. Ulung/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Tuan/Puan. Sebarang pertanyaan mengenai perkara ini boleh dikemukakan terus kepada pegawai Puan Izzati Mas Adaveena Abdul Ghani di talian 03-8911 8264 atau Puan Nor Eloni Nor Azmi di talian 03-8911 8263.

Salam hormat dan terima kasih.

Yang benar,

PROF. DR. JAMIA AZDINA JAMAL

Pengarah
Pusat IDEA UKM
/berlampir

s.k. - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Penyelidikan dan Inovasi), UKM

IDEA UKM

Aras 2, Kompleks Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor
Tel.: +603-8911 8264 Faks: +603-8911 8266 E-mel: idea@ukm.edu.my Web: www.ukm.my/ideaukm